



SIARAN AKHBAR

UNTUK EDARAN SEGERA

Belanjawan 2026: Pengguna Lebih Berdaya, Rangkaian Lebih Kukuh, Malaysia Lebih Digital

CYBERJAYA, 14 Oktober 2025 – Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) menyambut baik Belanjawan 2026 yang menekankan kepentingan rakyat sebagai teras kemajuan digital negara. Belanjawan ini adalah komitmen kerajaan untuk memperkukuh infrastruktur digital negara melalui peningkatan kesalinghubungan, keselamatan data, akses kesihatan digital yang lebih baik serta pemeraksanaan inklusif.

“Belanjawan 2026 jelas mencerminkan tekad kerajaan untuk memastikan setiap pengguna mendapat manfaat daripada kemajuan digital negara. Inisiatif yang diumumkan bukan sekadar memperluas capaian dan kemampuan, tetapi juga berfokus kepada aspek keselamatan digital, keterangkuman, dan usaha membina kepercayaan pengguna bagi jangka masa yang panjang,” berkata Puan Yap Yoke Har, Pengerusi CFM.

Inisiatif seperti Sambungan Kabel Dasar Laut MADANI (SALAM) dijangka meningkatkan kelajuan serta kebolehpercayaan internet di Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan mengurangkan jurang digital antara Malaysia Timur dan Semenanjung, sekali gus membolehkan pengguna menikmati penstriman tanpa gangguan, pembelajaran atas talian yang lancar serta akses lebih mudah kepada pelbagai perkhidmatan digital.

Penekanan terhadap Pusat Penyebaran Maklumat Negara (NADI) pula membuka peluang baharu kepada komuniti luar bandar untuk memperkukuh kemahiran digital dan ekonomi melalui keusahawanan dalam talian menjadikan mereka bukan sekadar pengguna, tetapi juga pencipta dan penyumbang dalam ekonomi digital negara yang semakin berkembang. Sistem Amaran Awal (EWS) pula dapat memastikan maklumat keselamatan sampai kepada pengguna dengan lebih pantas semasa bencana dan kecemasan, melalui saluran digital.

Selain itu, peruntukan bagi menambah baik kesalinghubungan internet di hospital dan klinik awam akan memperluas akses kepada perkhidmatan telekesihatan dan rawatan digital, terutamanya di kawasan luar bandar. Langkah ini akan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan awam dan mengurangkan jurang perkhidmatan antara bandar dan luar bandar.



Penubuhan Sovereign AI Cloud dan AI Transformation Centre turut menunjukkan kesungguhan Malaysia untuk membangunkan ekosistem kecerdasan buatan (AI) yang beretika, selamat dan sejajar dengan nilai budaya tempatan menggalakkan inovasi sambil memastikan data serta privasi pengguna terus dilindungi.

CFM percaya bahawa kemajuan digital perlulah seiring dengan pemeraksanaan pengguna. Dalam era digital ini, pengguna harus memainkan peranan aktif dengan menjadi celik maklumat, bijak membuat pilihan dan sentiasa berwaspada terhadap risiko dalam talian.

“Kami menggalakkan semua rakyat Malaysia untuk menjadi pengguna yang bijak. Fahami hak anda, amalkan keselamatan digital, dan manfaatkan sepenuhnya peningkatan kesalinghubungan serta perkhidmatan yang disediakan di bawah Belanjawan 2026,” katanya.

CFM akan terus bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan dan pihak berkepentingan yang lain bagi memperkukuh perlindungan pengguna, menyelesaikan isu perkhidmatan komunikasi dan multimedia, serta memupuk budaya penggunaan digital yang bertanggungjawab dan berinformasi dalam kalangan rakyat Malaysia.

Mengenai CFM

Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia ataupun CFM telah ditubuhkan pada 13 Februari 2001, selaras dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 98) sebagai sebuah forum industri yang memudahkan kawal selia sendiri menerusi advokasi dan melindungi hak pengguna dalam sektor tersebut. CFM diwakili pihak “bekalan dan permintaan” dalam sektor komunikasi dan multimedia yang mana pihak pembekal terdiri daripada syarikat penyedia perkhidmatan, manakala pihak permintaan pula terdiridaripada persatuan pengguna, institusi pendidikan, individu-individu yang memperjuangkan hak pengguna.

CFM juga membantu menyelesaikan aduan mengenai perkhidmatan Komunikasi dan Multimedia. Jika terdapat sebarang aduan yang tidak diselesaikan mengenai perkhidmatan Komunikasi dan Multimedia, pengguna dialu-alukan untuk mengemukakan aduan melalui:

PORTAL ADUAN	https://aduan.mcmc.gov.my (integrated system with MCMC)
TALIAN MCMC CONSUMER CARE CENTRE (MCMC 3C)	1800 188 030
EMEL	aduan@cfm.my
HADIR BERSEMUKA	MCMC Tower 2, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.